

08 SEP 1998

Mahathir-pengganti

JAWATAN TPM TIDAK AKAN DIISI SEHINGGA PEMILIHAN UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi sekali lagi bahawa beliau tidak akan mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri sehinggalah diadakan pemilihan Umno yang dijadualkan tahun depan.

Ketika ditanya siapa yang akan mengambil alih jawatan beliau sekiranya apa-apa berlaku ke atas dirinya, Dr Mahathir berkata "parti akan memutuskan. Kita mempunyai naib presiden, mereka akan putuskan siapa yang akan menjadi pengganti saya jika saya tiada".

Dr Mahathir berkata memandangkan Umno kini mempunyai dua orang naib presiden, parti itu akan memutuskan untuk memilih seorang daripada mereka. (Seorang lagi naib presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib kini sedang bercuti kerana menghadapi tuduhan di mahkamah kerana gagal mengisytiharkan hartanya).

"Jika saya memilih seorang daripada mereka, seorang lagi akan berasa kecil hati," katanya selepas merasmikan perhimpunan agung Persatuan Komanwel bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM), di Bangi dekat sini.

Ditanya sama ada pemilihan Umno akan diadakan lebih awal untuk tujuan itu, beliau berkata: "ini tidak mungkin".

Rabu lalu Dr Mahathir melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dengan memberi alasan "beliau tidak sesuai lagi" dan sehari kemudian memecat beliau dari Umno.

Pada sidang berita di ibu pejabat Umno Khamis lalu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu yang sebulat suara memecat Anwar, Dr Mahathir berkata beliau tidak bercadang untuk melantik seorang timbalan sehinggalah pemilihan parti itu diadakan tahun depan.

Dua naib presiden Umno sekarang ialah Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Pendidikan dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Luar.

-- BERNAMA

ES oba